



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**KUNJUNG HORMAT PENGARAH EKSEKUTIF UN-HABITAT BERTEMU YB  
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN JALIN KERJASAMA LEBIH  
ERAT**



**Pada 10 Ogos 2022** - YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum of Cooperation (MoC) antara URBANICE Malaysia; sebuah agensi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan United Nations Human Settlement Programme (UN-Habitat) pada petang ini. MoC yang ditandatangani oleh TPr. Ts. Norliza Hashim, Ketua Eksekutif URBANICE Malaysia dan Dr. Neil Khor, Ketua Kakitangan (Chief of Staff) UN-Habitat ini turut disaksikan oleh YBhg. Dato' Seri Maimunah Mohd Sharif, Pengarah Eksekutif UN-Habitat sempena kunjungan hormat delegasi UN-Habitat ke KPKT.

Kunjungan hormat ini juga menyaksikan jalinan kerjasama lebih erat di antara UN-Habitat dan KPKT selaku Kementerian peneraju dalam agenda pembangunan mampan serta agenda Malaysia Berdaya Huni.

Dalam pertemuan kira-kira 45 minit di antara delegasi KPKT dan UN-Habitat, YB Dato' Sri Reezal Merican antara lain menyatakan penghargaan dan terima kasih beliau kepada YBhg Dato' Seri Maimunah Mohd Sharif, yang juga merupakan penerima Anugerah Tokoh Perancang Bandar Malaysia dalam membawa isu-isu kemampunan bandar dan perbandaran sejagat di pentas global. YB Dato' Sri Reezal Merican juga merakamkan ucapan tahniah kepada UN-Habitat di atas kejayaan penganjuran World Urban Forum 2022 yang turut dihadiri beliau di Poland pada Jun 2022 lalu.

Lanjutan daripada pertemuan semasa di WUF 2022 lalu, KPKT menerusi Urbanice merancang jalinan kerjasama yang lebih strategik dalam menjayakan komitmen Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (Sustainable Development Goals-SDGs) di peringkat nasional dengan pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu (New Urban Agenda)



melalui pemeteraian MoC yang mensasarkan matlamat seperti berikut :

- (a) Menyetempatan (localising) SDGs dengan menggiatkan pelaksanaan program SDGs Cities di peringkat kebangsaan dan global serta penglibatan dalam penyediaan Voluntary Local Review;
- (b) Meningkatkan pengetahuan dan membina kapasiti melalui platform latihan, perkongsian sumber maklumat dan penganjuran forum bandar nasional; dan
- (c) Memperkukuhkan sokongan teknikal serta melaksanakan program bandar berdaya huni dan mampan.

Menurut YB Dato' Seri Reezal Merican, kerjasama kedua belah pihak ini akan menyokong komitmen terhadap pembangunan perbandaran mampan di semua peringkat melalui peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan pengetahuan serta mewujudkan perkongsian dan kapasiti dalam mengukuhkan pembangunan bandar dan institusi tempatan serta pelaksanaan pelan pembangunan tindakan bandar SDGs selari dengan 'Decade of Action' menjelang tahun 2030.

Beliau turut menyatakan bahawa KPKT sentiasa mengangkat agenda sejagat ini sebagai satu usaha untuk memperkukuhkan lagi kedudukan Malaysia di peringkat global khususnya melibatkan soal kemampanan yang kini menjadi tema utama dalam pembangunan masa hadapan.

Beliau juga menambah bahawa KPKT akan melancarkan Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM) pada 18 Ogos 2022 ini sebagai satu instrumen pengukuran yang akan memberi nilai tambah terhadap usaha-usaha semasa yang dilaksanakan dalam agenda Malaysia Berdaya Huni.

